

# BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

(Surah Al-Anfal, ayat: 46)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ  
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Beringatlah selalu bahawa sesungguhnya kelalaian serta keengganan manusia untuk mematuhi peraturan hidup yang telah ditentukan oleh Allah SWT akan menjadi sebab turunnya bala atau kesusahan. Oleh sebab itu, bertakwalah kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita terselamat daripada murka Allah SWT.

وَمَا أَنْتُمْ بِمُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ وَمَا لَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٣١﴾

Maksudnya: “Dan kamu tidak akan dapat melemahkan kuasa Allah (daripada menimpa kamu dengan bala bencana, walaupun kamu melarikan diri di mana sahaja) di muka bumi (atau di langit); dan kamu juga tidak akan beroleh sesiapaupun yang lain dari Allah sebagai pelindung atau pemberi pertolongan.” (S. Asy-Syuraa: 31).

## MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Sebatang lidi yang halus begitu mudah dipatah-patahkan. Tetapi, begitu payah untuk mematah-matahkan lidi-lidi halus yang banyak diikat menjadi satu. Hakikat ini menjelaskan bahawa kalau kita bersatu, kita akan bertambah teguh dan kuat sehingga sukar diganggu-gugat oleh seteru yang mengancam.

Sehubungan itu, peribahasa kita mengungkapkan: “bersatu kita teguh, bercerai kita roboh”. Ia membawa mesej bahawa hidup bersatu padu amat penting dalam sesebuah masyarakat dan negara. Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kunci kepada kekuatan sesebuah bangsa dan Negara. Inilah antara sebab maka setiap warga Negara mesti mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh mengancam serta merenggangkan kesatuan dan perpaduan seperti berselisih faham dan berbalah sesama sendiri yang menjadi punca kelemahan dan ketidakupayaan melawan musuh.

Firman Allah:

وَاطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: “Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantah; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar.” (S. Al-Anfal: 46).

Jelas di sini, untuk memperkukuh kesatuan serta perpaduan Negara bangsa, setiap warga mesti menjadikan ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya di samping mengelakkan perselisihan faham dan perpecahan sebagai prinsip hidup bermasyarakat dan bernegara. Usaha pembangunan akan menjadi mudah jika sesebuah masyarakat itu diikat dengan unsur kesatuan dan perpaduan. Kesatuan ini akan bertambah kukuh jika setiap warga bergabung di atas dasar saling hormat menghormati, percaya mempercayai dan bertolak ansur antara satu sama lain.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,**

Seruan memperkukuhkan kesatuan Negara bangsa begitu relevan dalam konteks Negara kita. Ini kerana, Negara kita Malaysia merupakan gabungan Semenanjung Tanah Melayu dengan Negeri Sabah dan Sarawak yang kaya dengan kepelbagaian kaum, etnik, agama, adat resam dan budaya. Di samping itu, persekutuan Malaysia bukan sahaja menggabungkan negeri-negeri, malahan melibatkan juga penyatuan dua buah wilayah yang dipisahkan oleh Laut China Selatan.

Demikian juga halnya, pembentukan Persekutuan Malaysia yang berlaku pada 16 September 1963 bukan sekadar memunculkan Negara baru, tetapi turut memberi pelbagai faedah kepada rakyat secara menyeluruh. Selain menikmati pelbagai macam bentuk pembangunan dan kemajuan, rakyat yang berbilang kaum juga telah dapat hidup dalam keadaan aman dan harmoni dengan dihiasi kepelbagaian serta keunikannya yang tersendiri.

Atas sebab itu, usia Persekutuan Malaysia yang sudahpun mencecah 52 tahun kini perlu terus kita pertahankan dan pulihara. Dan, perpaduan rakyat dan kesatuan negeri-negeri adalah teras mengekalkan dan memperkukuhkan Negara bangsa. Ini bererti, semua pihak perlu memberi keutamaan kepada menggilap keazaman politik berpaksikan keikhlasan dalam perhubungan di bawah konsep politik “federalism”.

Dalam hubungan ini, semangat kesukuan dan kenegerian yang sempit juga hendaklah dikikis. Setiap warga mesti berganding bahu bagi memenuhi aspirasi penduduk pelbagai etnik di negeri-negeri di kedua buah wilayah, iaitu Semenanjung Tanah Melayu di barat, dan Sabah serta Sarawak di sebelah timur. Ia adalah prasyarat dalam memastikan suasana aman dan harmoni terus terpelihara sekali gus terus kekal megah berdiri mengebarkan panji-panji Islam dengan membawa slogan Persekutuan “Bersekutu Bertambah Mutu”.

#### **SAUDARA MUSLIMIN YANG MULIA,**

Keadaan aman dan damai yang kita kecapi hingga ke hari ini tidak boleh dijadikan alasan untuk kita terus berasa selesa. Ini kerana, masih wujud golongan yang cenderung bermain dengan api sentimen perkauman dan agama. Dan, kita juga tidak terlepas daripada berdepan dengan pelbagai cabaran dari dalam mahupun luar yang mampu mengancam kesatuan dan perpaduan Negara bangsa Malaysia ini.

Dari Sauban ia berkata: Telah bersabda Rasulullah SAW: “Hampir seluruh umat manusia bersatu menghancurkan kamu seperti orang yang sedang lapar mengerumuni makanan. Mereka bertanya: Apakah kita sedikit pada masa itu wahai Rasulullah? Jawab Baginda: Malah kamu ramai, tetapi kamu laksana buih air bah. Dalam pada itu hati mereka tidak ada rasa segan terhadap kamu dan dalam hati kamu sendiri tumbuh penyakit wahan. Apa yang dimaksudkan dengan penyakit wahan itu wahai Rasulullah? Maksudnya ialah di dalam hati kamu bertakhta perasaan cinta dunia dan takut mati”. (HR Abu Daud).

Melihat kepada senario yang digambarkan oleh Rasulullah SAW tersebut, maka adalah perlu bagi semua pihak sentiasa berwaspada terhadap tipu muslihat musuh yang sentiasa menunggu peluang untuk memporakperandakan keamanan dan keharmonian Negara kita. Pada masa sama, kita perlu sentiasa berusaha meningkatkan keupayaan bersatu dan berusaha menghindari segala faktor yang boleh memecahbelahkan persekutuan Negara bangsa kita. Ini termasuklah menjauhi prasangka buruk selain mengelak sikap mementingkan diri sendiri atau kelompok-kelompok tertentu.

Harus kita sedari bersama bahawa kepelbagaian yang wujud di negara kita ini bukanlah faktor pemisah dan pemecah belah. Ia sebenarnya suatu rahmat kepada Negara ini yang wajib dihargai dan disyukuri dengan bersatu menjadikan kepelbagaian itu sebagai motivasi untuk saling kenal mengenali, hormat menghormati dan saling menerima antara satu sama lain. Ini selaras dengan firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Yang bermaksud: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).” (S. Al-Hujurat: 13).

#### **JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Bersatulah pertahankan persekutuan Malaysia dan perpaduan kaum yang telah terbina lebih daripada separuh abad yang lalu. Ia perlu disemai dan dibajai bermula di bangku sekolah lagi, seterusnya di peringkat kampung, mukim, daerah, negeri hatta institusi social, politik dan sebagainya. Ini boleh dipupuk melalui galakan kepada warga yang berbilang kaum menyertai aktiviti-aktiviti yang menyemarak interaksi dan persefahaman seperti sukan dan persatuan.

Sehubungan itu, marilah kita jadikan sambutan Hari Malaysia yang diraikan pada 16 September setiap tahun sebagai landasan untuk terus mengukuhkan kesatuan dan perpaduan Negara bangsa kita. Dan pastinya, tunjang kestabilan negara ini ada di tangan orang Islam selaku penduduk majoriti Negara ini. Perpaduan umat Islam adalah faktor penting penentu dinamika umat dan Negara sekali gus memastikan kedudukan Islam tidak terpinggir ditelan arus pemodenan yang dipenuhi dengan segala macam kenikmatan yang melalaikan.

Tegasnya, Dengan umat Islam yang berbilang kaum di seluruh ceruk rantau Persekutuan Malaysia mesti bersatu kerana kita diikat dengan akidah yang sama serta bernaung di bumi yang dinaungi rahmat Illahi. Ini selaras dengan perintah Allah SWT dalam firman-Nya:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ...

Yang bermaksud: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai...” (S. Ali-Imran: 103).

**SAUDARA MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Hendaknya segala apa yang berlaku di negara-negara Islam lain yang dilanda petaka peperangan, persengketaan, perpecahan dan berbagai krisis kemanusiaan lagi menjadi pengajaran kepada kita semua agar tidak ditimpa nasib yang sama. Untuk itu, marilah kita merapatkan saf, memantapkan akidah, membudaya ilmu dan memurnikan akhlak agar mampu menjunjung citra mendaulatkan Islam sebagai cara hidup ke arah mendapat keberkatan dan rahmat dari Allah SWT.

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ ...

Maksudnya: “Dan (Tuhanmu berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu beriman, serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi...” (S. Al-A'raaf: 96).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُودُ، إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



Diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah